

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS UCAPAN ALUAN YANG DI PERTUA DALAM MESYUARAT TAHUNAN BAKTI
KE-24
Lokasi : SERI PERDANA, PUTRAJAYA
Tarikh : 18-07-2001

Terima kasih kerana bersama-sama saya sekali lagi dalam menyempurnakan Mesyuarat Tahunan BAKTI yang ke-24 ini. Kali ini tiada pilihan Jawatankuasa Tadbir baru akan diadakan dan masa ini akan diambil oleh saya untuk menyampaikan kepada saudara-saudari Ahli-ahli beberapa perkara yang penting.

2. Seperti saudara-saudari sedia maklum, bulan Julai ini amat sibuk untuk Jawatankuasa-jawatankuasa BAKTI dan semua Ahli-ahli yang menyertai Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. Saya amat menghargai ketekunan, kerja keras dan usaha gigih yang saudara-saudari lakukan untuk memastikan semua tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan oleh saudara-saudari disempurnakan dengan jayanya.

3. Pada petang ini, saya akan umumkan 2 perkara yang amat penting sekali untuk makluman ahli-ahli semua:

i) Kedudukan kewangan BAKTI dan peruntukan perbelanjaan (budget) BAKTI bagi tahun-tahun hadapan, dan

ii) Taklimat terakhir bagi persediaan Malam Amal BAKTI yang akan berlangsung pada 27 Julai 2001 dan persediaan Kejohanan Badminton Piala Perdana pada 31 Jun hingga 5 Ogos 2001.

4. Dengan itu, saya minta semua ahli-ahli mendengar taklimat-taklimat dan laporan-laporan kewangan yang akan dibentangkan oleh Datin Wendy, Bendahari Kehormat BAKTI dan saya sendiri dengan teliti sehingga akhirnya mesyuarat ini. Ini adalah yang terakhir bagi semua ahli-ahli mendengarnya tetapi ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Induk dan Kecil akan terus bermesyuarat hingga Ogos dengan penuh dedikasi dan "commitment".

4. Dengan itu, saya jemput ahli-ahli mengesahkan Minit Mesyuarat Tahunan BAKTI tahun lalu.